

Bekalan keperluan harian cukup: KPDNHEP

Published on: Monday, March 23, 2020

By: Lagatah Toyos



SEMPORNA: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Cawangan Semporna memberi jaminan bahawa barangan keperluan harian di daerah ini adalah mencukupi dan pembelian panik tidak perlu dilakukan dalam menghadapi Covid19.

Ketuanya, Arsanti Abd Rasid berkata, pihaknya juga sentiasa melakukan pemantauan terhadap bekalan barangan keperluan.

Justeru, katanya, pembelian panik adalah tidak perlu kerana KPDNHEP sentiasa memastikan bekalan di pasaran mencukupi untuk keperluan awam.

"Setakat ini tiada laporan tentang wujudnya pembelian panik berlaku di daerah Semporna," katanya dalam satu kenyataan kepada media di sini, pada Ahad.

Dalam perkembangan berkaitan, Arsanti turut mengingatkan para peniaga agar tidak menaikkan harga barangan, termasuk menyorok barangan, khususnya barangan keperluan harian.

Tindakan tegas akan diambil terhadap pihak yang didapati melakukan kesalahan tersebut dan boleh berdepan hukuman denda di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

Beliau mengalu-alukan orang ramai supaya membuat aduan berkaitan bekalan dan harga ataupun pembelian panik dengan menghubungi Bilik Gerakan KPDNHEP Semporna menerusi talian 089-782855.

<http://www.dailyexpress.com.my/news/149336/bekalan-keperluan-harian-cukup-kpdnhep/>

